



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **SERAMAI 5000 ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DIGERAKKAN SEBAGAI *TASK FORCE* TUGAS-TUGAS PASCA BANJIR**

---

1. Kerajaan melalui kenyataan media Pejabat Ketua Setiausaha Negara pada 27 Disember 2021 memutuskan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyelaras pembahagian kawasan terjejas banjir kepada kementerian serta menyelaras usaha mobilisasi pegawai Perkhidmatan Awam khususnya bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan kemanusiaan.
2. Selaras dengan keputusan tersebut, kementerian akan menentukan dan mengarahkan pegawai di agensi masing-masing untuk membantu melaksanakan tugas-tugas pasca banjir berdasarkan kawasan yang telah ditetapkan. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta. Ia juga dilaksana berdasarkan kawasan yang terjejas teruk bagi tempoh masa tertentu bertujuan meringankan kepayahan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir.
3. Gerak kerja membantu mangsa-mangsa banjir di lapangan telah pun dilaksanakan di peringkat kementerian/jabatan/agensi di beberapa kawasan yang terjejas sebelum ini dan ia masih diteruskan. Namun, usaha kali ini akan lebih memfokuskan kepada penumpuan yang lebih menyeluruh dan bersasar serta ia digerakkan oleh Pejabat-pejabat Daerah, bagi memastikan mereka yang terlibat dapat diberikan bantuan pasca banjir dari aspek bantuan pembersihan rumah.

4. Berdasarkan surat edaran yang dikeluarkan oleh JPA pada hari ini, pegawai-pegawai yang terlibat dengan arahan mobilisasi adalah dianggap menjalankan **tugas rasmi**. **Seramai hampir 5000 anggota #Keluarga Perkhidmatan Awam** akan digerakkan bagi membantu misi pasca banjir pada kali ini secara berperingkat dan mengikut penggiliran masing-masing.
5. Mobilisasi anggota perkhidmatan awam merupakan inisiatif serta tanggungjawab sosial penjawat awam bersama rakyat selari dengan semangat Keluarga Malaysia. Misi utama adalah untuk membantu rakyat yang terkesan akibat bencana banjir yang dihadapi baru-baru ini.
6. Inisiatif yang dilaksanakan ini tidak akan menjelaskan perkhidmatan sedia ada di kementerian/jabatan/agensi.

**Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
28 Disember 2021**

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (15)